

Konsep pemerintahan BN bawa kesejahteraan

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menegaskan konsep pengagihan kekayaan, perkongsian kuasa dan semangat pemuafakatan Barisan Nasional (BN) terus menjadi agenda pemerintahan negara.

Perdana Menteri berkata, konsep itu yang menjadi teras utama BN sejak ditubuhkan pada 1974 ternyata berjaya membawa keamanan, kesejahteraan dan kemajuan kepada negara.

Menurutnya, cara itu bertujuan memastikan segenap lapisan rakyat menikmati manfaat kemerdekaan yang diperjuangkan oleh pimpinan terdahulu.

Beliau berkata, BN berpegang kepada konsep keadilan secara sama rata dengan tumpuan dalam bidang ekonomi bagi menentukan tidak wujud jurang perbezaan ketara sehingga menimbulkan rasa iri hati di kalangan rakyat.

“Kita belajar daripada rusuhan pada 1969 yang terceus kerana timbul rasa kurang senang dan dari situ kita sama-sama membina negara sehinggalah mencapai kemajuan seperti dinikmati hari ini.

“BN bukan saja ternyata mampu menyatukan semua kaum, malah berjaya membangunkan negara yang kini menjadi tumpuan pelabur asing,” katanya ketika berucap pada perhimpunan khas sempena ulang tahun ke-20 BN di Dataran Merdeka, di sini malam ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan semua pemimpin 14 parti komponen BN. Perhimpunan bertema *Malaysia Bahagia* itu dihadiri kira-kira 50,000 orang dan disiarkan secara langsung oleh RTM.

Di akhir majlis, Perdana Menteri dihadiahkan sebilah keris oleh pemimpin BN se-

bagai penghargaan kepada kepemimpinannya.

Dalam ucapan selama satu jam, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN menghuraikan mengenai sejarah BN, perjuangan sebelum dan selepas merdeka serta hasil yang diperolehi hari ini.

Beliau mengimbas kembali keadaan negara ini ketika penjajahan, sewaktu zaman peralihan dan selepas kemerdekaan.

Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya bersyukur di atas kemajuan, keamanan dan kesejahteraan yang dibawa oleh BN kerana tiada negara lain yang mencatat rekod terbaik seperti itu.

“Kita bukan angkuh atau sombong, tetapi inilah hakikat yang berjaya dicetuskan oleh konsep BN. Oleh itu kita seharusnya berterima kasih di atas konsep yang dibawanya,” katanya.

Sambil mengulangi jaminan orang Melayu tidak ber-

niat menindas kaum lain, beliau berkata, semua lapisan rakyat perlu menggembeng usaha ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

“Kita sebenarnya belum tamat perjuangan. Kita perlu terus mara ke hadapan dengan wawasan yang direncanakan dan saya yakin Malaysia boleh terus maju berdasarkan konsep pimpinan BN,” katanya.

Menurutnya, keamanan yang dikecapi perlu diteruskan bagi kesinambungan pembangunan manakala mekanisme yang membawa kejayaan itu seharusnya direnung dan terus dijadikan pegangan.

Beliau berkata, konsep ‘pecah dan perintah yang diperjuangkan oleh penjajah dahulu tidak sesuai dilaksanakan di negara ini yang masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum.

LIHAT MUKA 2

Konsep Barisan terbaik

DARI MUKA 1

“Ketika ini ekonomi Malaysia terus berkembang manakala peluang pekerjaan terbuka luas, malah ada sejuta rakyat asing datang ke negara ini untuk mencari pekerjaan.

“Dalam masa yang sama, kita berjaya menarik pelaburan asing bernilai beratus juta ringgit yang menunjukkan keyakinan mereka terhadap kekuatan ekonomi serta kestabilan politik negara,” katanya.

Dalam pada itu, Dr Mahathir membidas media asing yang sehingga hari ini cuba memburukkan negara dengan melaporkan beberapa perkara negatif, fitnah liar dan kononnya demokrasi sudah mati di Malaysia.

Katanya, media asing berbuat demikian kerana

mereka iri hati dengan upaya BN membangunkan negara, tidak seperti di kebanyakan negara lain yang mengalami rusuhan, pergaduhan dan peperangan.

Beliau berkata, kejayaan BN memerintah BN kini dijadikan model serta contoh oleh beberapa negara.

“Tidak ada negara lain yang mempunyai gabungan parti politik yang banyak seperti Malaysia. Ada negara yang mempunyai gabungan dua atau tiga parti, tetapi itu pun tidak bertahan lama,” katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia boleh mencapai status negara perindustrian menjelang tahun 2020 dengan adanya persefahaman, kesungguhan, pe-

ngorbanan dan perjuangan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, budaya atau fahaman.

Beliau berkata, BN sentiasa mengamalkan dasar terbuka, menerima parti yang berminat menyertainya dengan syarat parti berkenaan mestilah jujur dan patuh kepada konsep serta dasar perjuangan.

Oleh itu, katanya, ahli parti pembangkang dialu-alukan meninggalkan parti mereka dan menyertai parti komponen BN.

“Yang penting kita perlu menggembeng kerjasama membangunkan negara supaya Malaysia dihormati oleh seluruh dunia. Kita tidak mahu orang lain memandang rendah kepada negara kita,” katanya.